



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2018/2019
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG 2533 / DDPW 2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : INTRODUCTION TO FINANCE / PENGENALAN KEWANGAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWG / DDPW / DDPG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : NOVEMBER 2018
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.
[Jawab SEMUA soalan.]

(TOTAL 100 marks)
[JUMLAH 100 markah]

Q1. Briefly explain what is meant by 'underwriting' and 'advising' functions of investment banking with reference to the statement;

"AmInvestment Bank Bhd was the principal adviser, managing underwriter, joint underwriter and joint placement agent while CIMB Investment Bank Bhd was the joint underwriter and joint placement agent for the OldTown IPO exercise in Year 2011".

[Terangkan secara ringkas apa yang dimaksudkan dengan fungsi 'penaja jamin' dan 'menasihati' oleh perbankan pelaburan dengan merujuk kepada pernyataan;

"AmInvestment Bank Bhd adalah penasihat utama, menguruskan penaja jamin, penaja jamin bersama dan ejen penempatan bersama manakala CIMB Investment Bank Bhd adalah penaja jamin bersama dan ejen penempatan bersama untuk menjalankan IPO OldTown pada Tahun 2011".]

(3m)

Q2. a) Syarah would like to make a single investment and have RM500,000 at the time of her retirement in 30 years. She has found a mutual fund that will earn 8% compounded annually. How much will Syarah have to invest today?

[Syarah ingin membuat pelaburan tunggal dan mempunyai RM500,000 pada masa persaraan beliau 30 tahun akan datang. Beliau mendapati terdapat pelaburan unit amanah yang menawarkan kadar faedah 8% dikompaun tahunan. Berapakah jumlah yang perlu Syarah laburkan hari ini?]

(2m)

b) In 10 years Azam and Anees are planning on going for trip to Istanbul. The trip are currently cost RM20,000 and is expected to increase in value each year at a rate of 2%. For that, they have made an investment. Assuming they can earn 10% annually on their investment, how much must they invest at the end of every year for the next 10 year to be able to achieve their dream?

[Dalam masa 10 tahun, Azam and Anees merancang untuk menyertai lawatan ke Istanbul. Kos lawatan itu pada masa sekarang bernilai RM20,000 dan dijangka akan meningkat setiap tahun pada kadar 2%. Untuk itu, mereka telah membuat pelaburan. Andaikan bahawa mereka akan dapat menerima pulangan 10% setahun daripada pelaburan mereka, berapakah nilai yang perlu dilabur setiap hujung tahun selama 10 tahun supaya impian mereka tercapai?]

(4m)

Q3. The capital structure for the Digital Berhad is provided here:

[Struktur modal untuk Digital Berhad adalah disediakan seperti berikut:]

Capital Structure (Struktur Modal)	RM '000
Bonds (<i>Bon</i>)	5,000
Preferred Stock (<i>Saham Keutamaan</i>)	2,000
Common Stock (<i>Saham Biasa</i>)	15,000

a) The firm is in a 25% tax bracket and plans to maintain its capital structure in the future. If the firm has a 8% before-tax cost debt, a 12.5% cost of preferred stock, and a 16% cost of common stock, what is the firm's weighted average cost of capital (WACC)? *[Kadar cukai syarikat adalah 25% dan syarikat bercadang untuk mengekalkan struktur modal pada masa akan datang. Jika syarikat mempunyai kadar 8% kos hutang sebelum cukai, 12.5% kos saham keutamaan, dan 16% kos saham biasa, apakah kos modal purata wajaran (WACC) syarikat?]* **(5m)**

a) List **THREE** key differences between debt and equity capital.

[Senaraikan TIGA perbezaan utama di antara modal hutang dan modal ekuiti.]

(3m)

Q4. Aman Bhd is considering an investment in one of the two following common stocks:

[Aman Bhd sedang mempertimbangkan pelaburan di dalam satu daripada dua saham biasa berikut:]

State of Economy <i>[Keadaan Ekonomi]</i>	Probability <i>[Kebarangkalian]</i>	Stock Return DG <i>[Pulangan Saham DG]</i>	Stock Return DW <i>[Pulangan Saham DW]</i>
Recession <i>[Kemelesetan]</i>	0.2	2%	5%
Normal <i>[Biasa]</i>	0.5	5%	10%
Boom <i>[Berkembang]</i>	0.3	8%	15%

a) Calculate the expected return and standard deviation for stock DG and stock DW.

[Kirakan pulangan dijangka dan sisihan piawai untuk saham DG dan saham DW.]

(6m)

b) Given your answer in part (a), which investment is better? Why?

[Berdasarkan jawapan anda di bahagian (a), pelaburan manakah yang lebih baik? Mengapa?]

(2m)

Q5. You are ready to make your first investment in the following three investment alternatives:

[Anda bersedia untuk membuat pelaburan pertama anda dalam tiga pilihan pelaburan berikut:]

1. A Bank of DDWG bond that pays 10% on its par value in interest, sells for RM850, and matures in 12 years. For bonds of this risk class, you believe that a 12% rate of return should be required; and/or
[Bon DDWG Bank yang membayar 10% faedah ke atas nilai par, dijual pada harga RM850 dan matang dalam tempoh 12 tahun. Untuk bon-bon dalam kumpulan risiko yang sama, anda percaya bahawa 12% adalah kadar pulangan yang sepatutnya diperlukan; dan/atau]
2. PESTRO preferred stock paying a dividend of RM6 and selling for RM40. Your required rate of return is 14%; and/or
[Saham keutamaan PESTRO yang membayar dividen sebanyak RM6 dan dijual pada harga RM40. Kadar pulangan yang anda perlukan ialah 14%; dan/atau]
3. BHP Carigali common stock selling for RM50. The stock recently paid a RM5 dividend. The company's return on equity is 16% and the company keeps only 50% of the profits for reinvestment. You think a reasonable required rate of return for the stock is 18%.
[Saham biasa BHP Carigali yang dijual pada harga RM50. Saham tersebut baru sahaja membayar dividen sebanyak RM5. Kadar pulangan ekuiti syarikat ialah 16% dan syarikat cuma menyimpan 50% daripada keuntungan untuk pelaburan semula. Anda memikirkan kadar pulangan yang diperlukan adalah bersesuaian pada kadar 18%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a) Calculate the value of each security based on your required rate of return. (Use the formula " $g = ROE \times pr$ " to find the growth rate for common stock).
[Kirakan nilai setiap sekuriti berdasarkan kadar pulangan yang anda perlukan. (Gunakan formula " $g = ROE \times pr$ " untuk mencari kadar pertumbuhan bagi saham biasa).] **(8m)**
- b) Which investment(s) should you accept? Why?
[Pelaburan (pelaburan-pelaburan) yang manakah patut anda terima? Mengapa?] **(5m)**
- c) Assume the firms' managers expect a decrease in growth rate of 1%, how does this affect your answers to part (a) and (b)? Explain your answer.
[Andaikan pengurus syarikat menjangkakan pengurangan kadar pertumbuhan sebanyak 1%, bagaimanakah jangkaan tersebut mempengaruhi jawapan anda di bahagian (a) dan (b)? Jelaskan jawapan anda.] **(6m)**
- d) Explain THREE factors contributing to a successful investment portfolio.
[Jelaskan TIGA faktor menyumbang kepada portfolio pelaburan yang berjaya.] **(6m)**

Q6. Digital World is considering two **independent** projects. The required rate of return on these projects is 9%. The maximum allowable payback period for the project is 4 years. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

[Digital World sedang mempertimbangkan dua jenis projek tidak bergantung. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 9%. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 4 tahun. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]

	<u>PROJECT X</u>	<u>PROJECT Y</u>
	<u>[PROJEK X]</u>	<u>[PROJEK Y]</u>
Initial Outlay [Pelaburan Awal]	-RM500,000	-RM500,000
Inflow year 1 [Aliran masuk tahun 1]	120,000	132,000
Inflow year 2 [Aliran masuk tahun 2]	130,000	132,000
Inflow year 3 [Aliran masuk tahun 3]	140,000	132,000
Inflow year 4 [Aliran masuk tahun 4]	150,000	132,000
Inflow year 5 [Aliran masuk tahun 5]	150,000	132,000

Required: [Dikehendaki:]

- a) Determine the payback period for each project.
[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] (3m)

- b) Calculate the Net Present Value (NPV) for each project.
[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) untuk setiap projek.] (7m)

- c) Calculate the Profitability Index (PI) for each project.
[Kirakan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (2m)

- d) The Internal Rate of Return (IRR) for project X is 11.29%. Calculate the IRR for project Y.
[Kadar Pulangan Dalam (IRR) Projek X ialah 11.29%. Kirakan 'IRR' untuk projek Y.] (3m)

- e) Based on the IRR given and your answers in part (b) and (c) above, explain briefly which project should be accepted.
[Berdasarkan IRR yang diberi dan jawapan anda dalam bahagian (b) dan (c) di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] (5m)

- f) What is the difference between independent project and mutually exclusive project? How do the accept-reject criteria differ in reference to the above projects?
[Apakah perbezaan di antara projek tidak bergantung dan projek saling eksklusif? Bagaimanakah kriteria terima-tolak berbeza dengan merujuk kepada projek-projek di atas?] (5m)

Q7. A firm is trying to determine whether to purchase a new machine. The proposed machine has a purchase price of RM300,000, installation costs of RM60,000 and shipping cost of RM40,000. It also requires an additional cost of RM20,000 for training. The machine will be depreciated over its 10 year life using the simplified straight-line method. The new machine is expected to increase sales by RM200,000 and cost of maintenance by RM100,000 annually over the life of the asset. Due to increase sales, the firm expects an increase in working capital during the machine's life of RM30,000. The firm's marginal tax rate is 25% and its required rate of return is 10%.

[Sebuah firma cuba menentukan sama ada untuk membeli mesin baru. Mesin yang dicadangkan itu mempunyai harga pembelian sebanyak RM300,000, kos pemasangan sebanyak RM60,000 dan kos penghantaran sebanyak RM40,000. Ia juga memerlukan kos tambahan sebanyak RM20,000 untuk latihan. Mesin akan disusut nilai sepanjang 10 tahun menggunakan kaedah garis lurus yang mudah. Mesin baru dijangka meningkatkan jualan sebanyak RM200,000 dan kos penyelenggaraan sebanyak RM100,000 setiap tahun sepanjang hayat aset tersebut. Disebabkan peningkatan jualan, firma menjangkakan peningkatan dalam modal kerja semasa hayat mesin sebanyak RM30,000. Kadar cukai marginal adalah 25% dan kadar pulangan yang diperlukan adalah 10%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a) What is the initial investment associated with this project?
[Berapakah pelaburan awal bagi projek tersebut?] (6m)
- b) What are the annual after-tax cash flows associated with this project for year 1 to 9?
[Berapakah aliran tunai tahunan selepas cukai bagi projek tersebut untuk tahun 1 sehingga 9?] (6m)
- c) What is the terminal cash flow in year 10?
[Apakah aliran tunai akhir pada tahun 10?] (4m)
- d) What is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased?
[Apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkah mesin ini dibeli?] (6m)
- e) Why are we interested only in incremental and relevant cash flows rather than total cash flows?
[Mengapakah kita cuma berminat dalam aliran tunai tambahan dan relevan berbanding jumlah keseluruhan aliran tunai?] (3m)

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]